



## SIARAN AKHBAR

### BRUNEI DARUSSALAM ISLAMIC FINANCE SYMPOSIUM 2024

#### **Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan Isnin, 25 Zulkaedah 1445 bersamaan dengan 3 Jun 2024**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah menganjurkan Simposium Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Symposium) 2024 bagi julung kalinya dengan tema "Peranan Kewangan Islam sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi dan Kemakmuran Bersama". Acara Simposium tersebut telah berlangsung pada 25 Zulkaedah 1445 bersamaan dengan 3 Jun 2024 di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.
2. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB, Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB, Setiausaha-Setiausaha Tetap, dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Selain itu, pegawai-pegawai kerajaan, industri kewangan dan ahli-ahli akademik, serta pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi juga telah hadir semasa acara tersebut.
3. Simposium dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan BDCB, yang merakamkan penghargaan kepada UNISSA atas kerjasama mereka dalam menganjurkan Simposium tersebut. Beliau turut mengongsikan bahawa Simposium ini adalah hasil daripada Call-For-Papers (CFP) yang diadakan pada September 2023, yang telah menerima sebanyak 24 kertas kerja, merangkumi enam aliran: Kewangan Lestari dan ESG, Kewangan Sosial Islam, Inovasi Teknologi Kewangan (*Financial Technology* ataupun FinTech), Rangkuman Kewangan (*Financial Inclusion*), Tadbir Urus Syariah, serta Kewangan Islam dan Pertumbuhan Ekonomi. Beliau juga menekankan peranan Simposium ini dalam memajukan kewangan Islam, menjalin kerjasama, dan sebagai platform untuk membincangkan isu-isu utama dalam sektor kewangan. Selain mengetengahkan inisiatif BDCB dalam mempromosikan kewangan Islam dan inovasi, beliau juga menyeru penglibatan aktif daripada pemain industri ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.
4. Acara kemudian diteruskan dengan ucap-tama oleh tetamu kehormat. Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat menekankan peranan penting kewangan Islam dalam pertumbuhan ekonomi. Beliau kemudian mengongsikan bahawa pada tahun 2023, aset sektor kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam berjumlah sebanyak BND13.3 bilion, iaitu 57.2% daripada aset sektor kewangan secara menyeluruh. Ini menunjukkan potensi kewangan Islam untuk menjadi pemangkin dalam memupuk pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran bersama di Negara Brunei Darussalam. Beliau juga menekankan keperluan untuk memanfaatkan FinTech untuk memajukan pembangunan kewangan Islam dengan menyediakan operasi penyelesaian yang cekap, kos efektif dan patuh Syariah serta meningkatkan tahap rangkuman kewangan. Beliau seterusnya menekankan kepentingan kolaborasi

daripada sektor awam dan swasta untuk pertumbuhan kewangan Islam dan ekonomi secara keseluruhan, selaras dengan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir.

5. Berikut ini, Yang Berhormat Dato telah merasmikan pelancaran BDIF Islamic Economics Journal (Special Edition) yang diterbitkan oleh UNISSA dan menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang CFP. Yang Mulia Farah A'liyah binti Haji Amer Hishamuddin telah meraih Anugerah Kertas Terbaik bagi kategori 'Ahli Akademik dan Pekerja Profesional' untuk kertas kerja beliau bertajuk '*The Integration of ESG in Islamic Asset Management – A Practical Approach*'. Yang Mulia Nurul Amalina binti Suprem pula telah menerima Anugerah Kertas Terbaik dalam kategori 'Pelajar' untuk kertas kerja beliau bertajuk '*Catalysing Islamic Finance Crowdfunding in ASEAN, Revolutionising P2P, and Unlocking Equity Crowdfunding Potential*'. Sebagai pengiktirafan di atas pencapaian para pemenang, kertas-kertas kerja tersebut juga akan diterbitkan dalam jurnal Special Edition. Simposium juga menyaksikan pembentangan kertas-kertas kerja tiga teratas bagi setiap kategori.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Date: 25 Zulkaedah 1445H / 3 June 2024M

Reference: BDCB/COMMS/3